

SOALAN NO: 103

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Puan Hajah Fuziah Binti Salleh
[Kuantan]**

TARIKH : 24 Julai 2017

**SOALAN : Puan Hajah Fuziah Binti Salleh minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

perkembangan penubuhan Kumpulan Keselamatan Nelayan (KUKENAL) yang ditubuhkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan program yang dilaksanakan di bawah KUKENAL.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kumpulan Keselamatan Nelayan (KUKENAL) yang ditubuhkan pada 12 November 2015 merupakan inisiatif Kerajaan (extension program) dalam mempertingkatkan libaturus (engagement) Kerajaan dan komuniti nelayan di seluruh negara. Mereka berperanan dalam membantu kerja-kerja bencana alam dan menyelamatkan mangsa kemalangan di laut dan darat. KUKENAL merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang cekap serta ditubuhkan sebagai salah satu unit di bawah seliaan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK). Sehingga kini sebanyak 88 buah KUKENAL telah ditubuhkan di seluruh negara melibatkan penyertaan seramai 2,240 orang anggota.

Bagi melahirkan anggota KUKENAL yang berkemahiran, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam memberi latihan kemahiran keselamatan di laut seperti pengenalan kepada PFD (*personal floating device*), latihan rawatan pemulihan sistem pernafasan (CPR), teknik balutan dan menyelamatkan mangsa di laut.

LKIM turut bekerjasama dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam menggunakan aplikasi Kesedaran Keselamatan Komuniti Maritim (K3M) sebagai saluran komunikasi agensi penguatkuasa bagi *crowd-sourcing* maklumat yang pantas dan tepat dalam membantu memastikan keselamatan perairan negara.

Sehingga bulan Julai 2017, seramai 180 ahli KUKENAL telah terlibat di dalam 7 operasi mencari dan menyelamatkan di seluruh negara.